

26/05/2004

Kompakar jangka ganda pendapatan kepada RM120j

SISTEM Kompakar Sdn Bhd (Kompakar) yakin pengambilalihan SCS Computer Systems (SCS) mampu menggandakan pendapatannya kepada RM120 juta pada tahun kewangan semasa berakhir 31 Disember ini berbanding RM39 juta tahun lalu.

Pengerusi Anak Syarikat Kompakar, Looi Kien Leong, berkata ini kerana pengambilalihan SCS akan mewujudkan lebih banyak kepakaran serta produk yang sebelum ini tidak dimiliki oleh kumpulan syarikat berkenaan.

"Penyusunan semula Kompakar selepas mengambil alih SCS menyediakan lebih sinergi untuk maju menerusi kepakaran teknologi maklumat (IT) dalam sektor tertentu dan membina domain sendiri dalam industri itu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas taklimat media mengenai pengambilalihan SCS oleh Kompakar, di pejabat SCS, Petaling Jaya, semalam. Turut hadir Pengerusi Eksekutif Kompakar, Tunku Datuk Seri Shahabuddin Tunku Besar Burhanuddin.

Kompakar selesai mengambil alih SCS daripada Singapore Computers Systems Ltd minggu lalu pada pertimbangan RM28 juta tunai dengan kaedah pembelian ditentukan secara persetujuan bersama kedua-dua pihak.

Sejajar pengambilalihan itu, Kompakar yang dimiliki 50:50 oleh Tunku Shahabuddin dan Datuk Mokhzani Mahathir menerusi Rumpun Harapan Sdn Bhd menyusun semula operasi syarikat dengan penubuhan enam anak syarikat yang menumpu kepada bidang tertentu.

Anak syarikat berkenaan ialah Kompakar e-Health, Kompakar e-Retail, Kompakar e-Infrastructure, Kompakar e-Net, Kompakar e-Biz dan Kompakar e-Systems.

Looi berkata, Kompakar mensasar sumbangan 50 peratus daripada segmen peruncitan elektronik (e-runcit) yang dikendalikan Kompakar e-Retail kepada perolehan kumpulan bagi tahun kewangan semasa berakhir 31 Disember ini.

"Sementara itu, sumbangan Kompakar e-Systems dijangka menyumbang 40 peratus kepada perolehan manakala selebihnya disumbangkan anak syarikat lain," katanya.

(END)